

02 JUN 2003

G8-Mahathir

MAHATHIR BERMESYUARAT DGN PRESIDEN CHINA SEBELUM BERLEPAS KE JEPUN

Oleh: Yong Soo Heong

LAUSANNE, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan mesyuarat tertutup dengan Presiden China Hu Jintao bersama-sama dua lagi pemimpin negara membangun pada acara sampingan Sidang Kemuncak G8 di Evian.

Yang turut hadir ialah Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva dan Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika yang turut menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota.

Selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir berlepas ke Geneva melalui jalan darat untuk menaiki pesawat ke Frankfurt sebelum terbang ke Jepun untuk lawatan rasmi.

Dr Mahathir tiba di sini pada Sabtu bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk menghadiri sidang kemuncak itu.

Semasa di sini, Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, Presiden Perancis Jacques Chirac dan Presiden Rusia Vladimir Putin.

-- BERNAMA

SHY FR LAT